



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (7 JULAI 2023) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) aktif menjalankan advokasi mengenai isu hak asasi manusia di Malaysia khususnya menangani pencabulan yang melibatkan buruh paksa. Isu buruh paksa yang kian meruncing ini memerlukan usaha bersepadu di kalangan semua pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, organisasi antarabangsa dan Badan bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2020, SUHAKAM aktif menangani isu ini dengan menganjurkan beberapa siri rundingan dengan pihak berkepentingan dalam industri bekalan perubatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan. Antara isu yang dibangkitkan adalah penghapusan yuran pengambilan, rasuah dalam rantai bekalan untuk pengambilan buruh asing, mengukuhkan pemeriksaan buruh, keadaan kerja, buruh kanak-kanak, dan banyak lagi.

SUHAKAM juga mengadakan 17 siri lawatan ke ladang-ladang di seluruh Malaysia dan merekodkan pemerhatian isu-isu berbangkit mengenai kontrak pekerjaan yang kurang difahami oleh pekerja, yuran pengambilan pekerja yang tinggi, ketiadaan cuti rehat dan mekanisme aduan, passport pekerja yang disimpan oleh majikan dan keadaan penginapan yang kurang memuaskan.

SUHAKAM berpendapat bahawa menambahbaik mekanisme aduan merupakan suatu perkara penting dan mencadangkan untuk membangunkan buku manual kecil pelbagai bahasa untuk diedarkan kepada semua pekerja migran semasa ketibaan mereka di Malaysia. Buku kecil manual ini bukan sahaja akan berfungsi sebagai panduan tetapi juga menekankan hak dan tanggungjawab. Dengan adanya maklumat SUHAKAM sebagai salah satu agensi yang boleh dihubungi, pekerja migran akan mempunyai aksesibiliti dan bantuan yang lebih baik sepanjang proses tersebut.

SUHAKAM meneruskan advokasi pada tahun ini, bermula dengan negeri Johor dan akan diperluaskan ke negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak untuk menyediakan platform perbincangan mengenai cabaran, penyelesaian dan langkah hadapan dalam menangani buruh paksa di Malaysia.

Menangani buruh paksa memerlukan usaha bersepadu dari semua pihak. Dengan hanya memiliki perundangan dan dasar sedia ada tidak akan berkesan tanpa pematuhan penuh daripada pihak industri serta penguatkuasaan yang tegas oleh agensi Kerajaan. Pentingnya bagi perniagaan untuk memastikan operasi mereka selaras dengan undang-undang domestik dan standard antarabangsa. Walaupun terdapat kerangka dasar dan perundangan untuk menghalang buruh paksa, pihak berkepentingan yang berkaitan yang sepatutnya perlu menentukan manfaat dari segi perniagaan untuk mencegah kejadian buruh paksa.

SUHAKAM yakin mengenai keperluan untuk mengukuhkan kerjasama semua pihak berkepentingan utama, untuk memudahcara perbincangan antara negara-negara serantau, berkongsi amalan terbaik, dan menggalakkan kerjasama dalam menangani cabaran yang timbul daripada buruh paksa dalam konteks migran. SUHAKAM mampu bertindak sebagai pusat tumpuan untuk mengumpulkan maklumat serta membina jalinan antara Kerajaan dengan semua pihak berkepentingan.

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

7 Julai 2023